

7.3.2022

SIARAN MEDIA

oleh DATO' IR. JASENI MAIDINSA
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

PBAPP ADA PELAN KONTIGENSI SUSULAN SENARIO TERKINI SPRWTS

- **5 projek utama RWCP 2030 akan dimulakan dari tahun 2022 hingga 2028 demi memastikan PBAPP mampu memenuhi permintaan air yang semakin meningkat sehingga tahun 2030.**

PULAU PINANG, Isnin, 7.3.2022: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) sedang melaksanakan projek Pelan Kontingensi Air Mentah 2030 (RWCP 2030) demi memastikan keselamatan bekalan air untuk Pulau Pinang.

Butiran 5 projek kejuruteraan bekalan air ini adalah seperti berikut:

Projek	Potensi hasil dalam JLH (juta liter/hari)	Tahun dijangka siap
1 Fasa 2 Naik taraf Tangki Pemendapan Loji Rawatan Air (LRA)	91 JLH	2022
2 Pakej 12A, LRA Sungai Dua: Tambahan modul rawatan air baharu	114 JLH	2023
3 Fasa 1 LRA Empangan Mengkuang	114 JLH	2025
4 Fasa 1 LRA Sungai Muda	114 JLH	2028
5 Skim Bekalan Air Sungai Perai	136 JLH	2028
Jangkaan Hasil Keseluruhan	569 JLH	

Ringkasnya, PBAPP merancang untuk menyiapkan 2 projek naik taraf di Loji Rawatan Air Sungai Dua, Pulau Pinang yang pernah memenangi anugerah; membina 2 loji rawatan air baharu berdekatan Empangan Mengkuang dan Sungai Muda; dan mula meneroka Sungai Perai sebagai sumber air mentah tambahan untuk Pulau Pinang.

5 projek ini merupakan komponen utama RWCP 2030 PBAPP dan akan menghasilkan 569 JLH, sekaligus meningkatkan kapasiti reka bentuk maksimum daripada 1,599 JLH kini kepada 2,168 JLH.

Pada tahun 2021, penggunaan air Pulau Pinang ialah 860 juta liter sehari (JLH). Jangkaan daripada kajian air bebas yang siap pada 2021 menunjukkan permintaan air Pulau Pinang yang mungkin didorong oleh faktor sosio ekonomi meningkat sebanyak 78.1% (672 JLH) dan mencapai 1,532 JLH menjelang tahun 2030.

Oleh itu, ia akan membantu memastikan Pulau Pinang mempunyai “margin rizab” yang sihat dan mengelakkan krisis air sehingga 2030.

SPRWTS: KELEWATAN BERTERUSAN

Pada 1.3.2022, delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang diketuai oleh Ketua Menteri YAB Tuan Chow Kon Yeow telah bertemu dengan delegasi Kerajaan Negeri Perak diketuai oleh Menteri Besar YAB Datuk Seri Saarani Mohamed untuk membincangkan Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS).

Pada mesyuarat itu, YAB Tuan Chow membentangkan tawaran bersyarat untuk Pulau Pinang membeli air mentah dari Perak. Objektif Pulau Pinang adalah untuk mendapatkan perjanjian untuk SPRWTS, yang mana selepas itu, perjanjian rasmi boleh ditandatangani akhir tahun ini. Perjanjian akan memberikan dorongan yang diperlukan untuk Kerajaan Persekutuan bagi memulakan kerja-kerja SPRWTS pada tahun 2023 (selepas kajian kejuruteraan terperinci dijalankan) dan memulakan skim untuk menyalur air mentah ke Pulau Pinang menjelang 2030.

Bagaimanapun, agenda perwakilan Perak berbeza. Pada pertemuan itu, mereka mengambil kesempatan untuk menyatakan bahawa Perak mungkin tidak mempunyai lebih air mentah untuk dijual kepada Pulau Pinang.

Pertemuan itu berakhir dengan kedua-dua pihak bersetuju untuk menunggu hasil Laporan Akhir kajian kejuruteraan KASA yang dijangka siap pada April 2022.

LANGKAH KE HADAPAN YANG RASIONAL UNTUK PULAU PINANG

PBAPP telah merancang lebih awal untuk membantu Pulau Pinang menangani segala kemungkinan senario seperti senario SPRWTS terbaru ini. Pada tahun 2019, PBAPP mencadangkan Inisiatif Bekalan Air Pulau Pinang 2050 (PWSI

2050) kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai pelan hala tuju kejuruteraan bekalan air untuk memastikan keselamatan bekalan air untuk Pulau Pinang sehingga 2050.

PWSI 2050 telah disemak beberapa kali untuk menangani senario di mana SPRWTS ditangguhkan lagi dan/atau tidak dapat dilaksanakan menjelang 2030. Dalam menghadapi senario ini, PBAPP mencadangkan pengoperasian loji desalinasi untuk memenuhi jangkaan permintaan air mentah Pulau Pinang.

Memandang ke hadapan, pengoperasian loji desalinasi di Pulau Pinang mungkin dilaksanakan secara berperingkat, bermula dari tahun 2030. Sebagai sebuah negeri pulau yang dikelilingi oleh laut, Pulau Pinang mungkin menggunakan teknologi desalinasi (seperti Singapura) untuk secara teorinya memanfaatkan jumlah air mentah tanpa had untuk masa hadapan.

Perlu diingat bahawa bekalan air adalah perkhidmatan awam penting yang memberi kesan kepada kehidupan harian 1.776 juta orang di Pulau Pinang, serta operasi beribu-ribu perniagaan.

Ringkasnya: Pulau Pinang sedang melaksanakan RWCP 2030 demi memastikan keselamatan bekalan air sehingga 2030. Memandangkan senario SPRWTS terkini, PBAPP mengesyorkan desalinasi air laut di Pulau Pinang untuk memenuhi permintaan bekalan air mentah pada masa hadapan selepas 2030.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my